

PERANAN MEDIA SOSIAL DALAM MEMUPUK TOLERANSI DAN KEHARMONIAN ANTARA MASYARAKAT

Nur Syahirah Binti Che Mahamud
Universiti Sains Islam Malaysia
Email: syahirah_chemahamud@raudah.usim.edu.my

Nur Hanis Mahirah Binti Nordin
Universiti Sains Islam Malaysia,
E-mail: mahirah.nordin@raudah.usim.edu.my

Maratul Adawiyah Binti Abdul Talib
Universiti Sains Islam Malaysia
E-mail: maratuladawiyah@raudah.usim.edu.my

Siti Mardhiyah Binti Kamal Azhar
Universiti Sains Islam Malaysia
E-mail: mardhiyah@usim.edu.my

ABSTRAK

Media sosial merupakan satu medium komunikasi yang penting dan pantas dalam menyebarkan maklumat kepada masyarakat. Kejadian pada 13 Mac, di mana kedai serbaneka KK Mart telah mencetuskan kontroversi dengan menjual stoking yang memaparkan kalimah Allah, ini menunjukkan bahawa betapa sensitifnya isu-isu yang berkaitan dengan kepercayaan dalam masyarakat. Insiden ini telah membangkitkan pelbagai reaksi di media sosial, yang mencerminkan peranan platform ini sebagai ruang untuk berdialog dan pertukaran pandangan. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis peranan media sosial dalam mempromosikan toleransi dan keharmonian dalam masyarakat. Melalui kaedah kajian perpustakaan, maklumat yang berkaitan dikumpulkan dan dianalisis untuk memahami dinamika interaksi sosial dalam konteks media sosial. Justeru itu, diharap kajian ini dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai penggunaan media sosial sebagai medium komunikasi yang efektif untuk memupuk semangat toleransi dan keharmonian di dalam masyarakat.

Kata Kunci: Toleransi, keharmonian masyarakat, media sosial, masyarakat

1. Pengenalan

Dalam era digital yang semakin maju, media sosial telah menjadi wadah yang sangat penting dalam kehidupan seharian masyarakat pada masa kini. Platform seperti *Facebook*, *Twitter* dan *Tiktok* bukan sahaja digunakan untuk berkomunikasi dan berkongsi maklumat, tetapi juga memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk pandangan dan interaksi sosial. Hal ini telah memberi pelbagai impak kepada kita sebagai pengguna terhadap cara kita berinteraksi dan bertukar pendapat secara bebas. Kajian “Peranan Media Sosial dalam Memupuk Toleransi dan Keharmonian Antara Masyarakat” menyingkap bagaimana media sosial berfungsi sebagai alat yang berkuasa dan berfungsi dalam membina dan memperkukuhkan hubungan antara individu daripada pelbagai daripada pelbagai latar belakang. Tajuk ini menumpukan perhatian kepada peranan media sosial dalam memupuk toleransi dan keharmonian antara masyarakat. Toleransi dan keharmonian adalah elemen penting untuk memastikan kestabilan dan kesejahteraan sosial dalam masyarakat yang berbilang bangsa, agama dan kaum. Media sosial berpotensi besar untuk meningkatkan pemahaman, menghargai kepelbagaian dan menggalakkan sikap saling toleransi antara masyarakat melalui perkongsian

maklumat, idea dan pengalaman. Media sosial menyediakan ruang untuk dialog terbuka, pertukaran budaya dan pemahaman antara individu yang berbeza latar belakang sekaligus menyebarkan mesej positif dan menggalakkan perhubungan yang harmoni antara pelbagai kumpulan masyarakat. Dengan pendekatan yang betul, media sosial boleh membawa perubahan untuk memperkuatkan nilai toleransi, menghormati kepelbagaian dan membina masyarakat yang bersatu padu.

2. Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan kaedah literasi menerusi kajian perpustakaan. Ia dimulai dengan pengumpulan sumber-sumber berkaitan seperti jurnal akademik, buku, artikel dan laporan kajian. Sumber-sumber ini akan diselidiki dahulu untuk mengenal pasti pandangan, penemuan dan pendekatan yang telah digunakan dalam kajian terdahulu berkaitan peranan media sosial dalam memupuk toleransi dan keharmonian. Sumber ini akan dinilai untuk melihat sama ada kebolehpercayaan, relevans dan kegunaannya itu masih sesuai diguna pakai atau tidak untuk masa kini. Data yang dikumpulkan dari sumber tersebut akan digabungkan untuk menghasilkan gambaran yang menyeluruh tentang peranan media sosial terhadap toleransi dan keharmonian dalam masyarakat.

Selain itu, kajian ini juga akan menggunakan pendekatan kaedah analisis yang relevan untuk membantu menjelaskan dan memahami bagaimana media sosial mempengaruhi proses memupuk toleransi dan keharmonian di kalangan masyarakat. Metodologi ini akan memberikan landasan yang kukuh untuk menganalisis peranan media sosial dalam konteks pembangunan masyarakat yang lebih toleransi dan harmoni. Dengan menggunakan metodologi kajian secara perpustakaan ini, diharapkan kajian ini dapat memberikan analisis yang mendalam dan menyeluruh mengenai peranan media sosial dalam memupuk toleransi dan keharmonian antara masyarakat.

2.1 Pemilihan sampel kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan ialah analisis kandungan. Pada amnya, kaedah ini ialah pengumpulan data penyelidikan daripada analisis kandungan yang menyatakan huraian objektif terhadap maklumat yang dicetak, dipamerkan atau digambarkan. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Fraenkel dan Wallen (1993) bahawa analisis dokumen ini adalah seperti yang dimaksudkan – analisis penulisan atau kandungan daripada dokumen tersebut. Kajian ini melibatkan analisis terperinci terhadap sumber-sumber akademik yang berkaitan dengan peranan media sosial dalam konteks memupuk toleransi dan keharmonian masyarakat. Pemilihan bahan bacaan termasuk jurnal-jurnal ilmiah, akhbar, internet, dan kajian-kajian empirikal yang membincangkan impak media sosial terhadap dinamika sosial dan budaya masyarakat. Sampel kajian yang diperolehi melalui penyelidikan terhadap sumber-sumber yang relevan dalam pangkalan data akademik seperti *Google scholar*, *ResearchGate*, *Academia* dan lain-lain.

Selain itu, kriteria inklusi dan eksklusi telah ditetapkan untuk memastikan bahawa hanya sumber-sumber yang relevan dan berkualiti tinggi digunakan dalam analisis ini. Kriteria inklusi meliputi sumber yang ditulis dalam tempoh 10 tahun terakhir untuk memastikan data dan analisis adalah yang terkini dan mempunyai fokus utama pada peranan media sosial dalam memupuk semangat toleransi dan keharmonian di kalangan Masyarakat. Kriteria eksklusi pula meliputi sumber-sumber yang tidak berkaitan secara langsung dengan topik kajian dan mengandungi data atau analisis yang kurang relevan dengan konteks semasa.

Proses pemilihan sampel melibatkan beberapa Langkah yang utama. Pertama, pencarian literatur dilakukan dengan menggunakan kata kunci yang sesuai seperti “media sosial”, “toleransi”, “keharmonian Masyarakat”, “peranan media sosial” dan “pengaruh medsos kepada masyarakat”. Pencarian ini dijalankan dalam pelbagai pangkalan data akademik dan terutamanya di internet untuk memastikan liputan yang komprehensif. Setelah pencarian awal telah dilaksanakan, senarai sumber yang diperolehi akan disaring berdasarkan kriteria yang dikehendaki untuk kajian penyelidikan ini.

Kajian ini juga mempertimbangkan aspek etika dalam pemilihan dan analisis sampel. Data yang diperolehi dalam kajian ini mestilah diperolehi secara sah dan dianalisis dengan penuh integriti untuk memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan hasil kajian. Melalui pemilihan sumber yang teliti dan analisis yang mendalam, kajian ini diharapkan dapat memberikan pemahaman yang holistik mengenai bagaimana media sosial boleh digunakan sebagai alat untuk mempromosikan toleransi dan keharmonian dalam masyarakat serta membantu dalam merumuskan dasar-dasar yang lebih efektif dalam memanfaatkan media sosial untuk tujuan positif dalam Masyarakat.

3. Perbincangan

3.1 Menganalisis konsep toleransi dan keharmonian antara anggota masyarakat

Toleransi yang didefinisikan berdasarkan Dewan Bahasa Dan Pustaka ialah bertolak ansur, sabar dan mengawal diri bagi mengelakkan salah faham dan pertelingkahan demi kesejahteraan hidup diri dan orang lain. Nilai ini menekankan pentingnya menghormati perbezaan dan memahami pandangan orang lain, serta berusaha untuk hidup harmoni dalam masyarakat majmuk. Toleransi ini penting untuk menjaga perpaduan negara kerana membantu mewujudkan keharmonian dan kemaslahatan dalam masyarakat.

Konsep toleransi dan keharmonian antara masyarakat dapat dianalisis melalui kepekaan rakyat terhadap isu semasa yang melibatkan agama terutamanya agama Islam. Sebagai contoh, isu penjualan stokin di kedai serbaneka KK Mart yang mengandungi kalimah Allah telah mendapat perhatian dan reaksi yang meluas di kalangan Masyarakat. Kebanyakan rakyat Malaysia tidak bersetuju dengan pelaksanaan jualan stokin tersebut kerana ianya dianggap tidak menghormati sensitiviti agama ini. Isu ini menunjukkan bahawa Masyarakat mempunyai sensitiviti yang tinggi terhadap perkara-perkara yang boleh menjejaskan keharmonian dan kesejahteraan bersama lebih-lebih lagi di negara Malaysia yang berbilang kaum dan bangsa. Kepekaan ini merupakan satu perkara yang penting untuk memastikan setiap individu dalam masyarakat dihormati tanpa mengira latar belakang agama atau bangsa mereka.

Terdapat enam prinsip toleransi berlandaskan Islam harus diamalkan yang telah termaktub di dalam kertas kerja Dr Khadijah Mohd Hambali yang bertajuk, “Pendekatan Islam Dalam Menangani Kepelbagaian Agama”. Antaranya, Islam menyambut persahabatan selama tidak ada prasangka atau permusuhan. Galakan ini berlaku dengan sesiapa sahaja tanpa mengira latar belakang agama atau bangsa. Umat Islam dianjurkan untuk bersikap ramah dan menjalinkan hubungan yang harmonis dengan orang lain selagi mana mereka tidak menunjukkan sikap prejudis atau bermusuhan. Prinsip ini menekankan pentingnya toleransi, saling menghormati, dan kerjasama dalam masyarakat yang pelbagai, serta menolak segala bentuk kekerasan dan diskriminasi.

3.2 Mengkaji Peranan Media Sosial Dalam Mempromosikan Toleransi Dan Keharmonian Antara Anggota Masyarakat

Seiring dengan kemajuan teknologi terkini, media sosial telah mula mengambil alih peranan media tradisional yang bertindak sebagai medium penyampaian maklumat. Ia juga turut menjadi ejen yang bertanggungjawab menyebarkan propaganda dalam mempengaruhi isu-isu terkini. Oleh itu, media sosial memainkan peranan penting dalam mempromosikan toleransi serta keharmonian antara masyarakat. Hal ini dapat dilihat apabila kebanyakan anggota masyarakat kini menggunakan media sosial sebagai medium untuk berdakwah, berkongsi maklumat serta hiburan bersama pengguna yang lain. Dengan memahami peranan media sosial, kita dapat mempromosikan nilai-nilai toleransi dan keharmonian dalam komuniti untuk menjamin keharmonian sesama ahlinya.

Selain itu, kepentingan media sosial dalam pembangunan sosioekonomi dan kebudayaan di negara ini tidak boleh dinafikan. Dalam era globalisasi, media sosial berperanan sebagai medium pemangkin keharmonian dan perpaduan, memastikan kestabilan negara terjamin. Melalui media ini, komunikasi menjadi lebih mudah dan aplikasi seperti Facebook, Twitter, Instagram dan TikTok memungkinkan kita berhubung dengan orang lain tanpa mengira bangsa atau fahaman. Berdasarkan Astro Awani pada 2023 menyatakan bahawa terdapat satu kajian oleh Kajidata yang menggunakan sampel secara rawak sebanyak 1082 responden yang menunjukkan hampir 71 peratus rakyat Malaysia menggunakan aplikasi WhatsApp setiap hari, Facebook (51 peratus), Tiktok (49 peratus), Instagram (45 peratus) dan Twitter atau dikenali sebagai X (30 peratus). Menurut Professor Datuk Seri Syed Arabi Idid, hasil analisis kajian mendapati saluran media tradisional seperti televisyen dan radio tidak lagi mampu untuk bersaing dengan media sosial.

Seterusnya, media sosial seperti Instagram, Tiktok dan sebagainya turut menyediakan platform yang luas bagi individu dari pelbagai latar belakang untuk berinteraksi serta berkongsi pandangan. Melalui media ini, mereka dapat memperkenalkan budaya dan tradisi masing-masing kepada rakan maya mereka. Ini bukan sahaja meningkatkan pengetahuan tentang pelbagai budaya tetapi dapat menggalakkan rasa hormat terhadap perbezaan agama dan budaya. Contohnya, pengguna boleh berkongsi maklumat tentang perayaan keagamaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Deepavali, atau Tahun Baru Cina di samping menjelaskan kepentingan dan adat resam yang terlibat. Menerusi kaedah ini, media sosial ini membantu dalam mengurangkan prasangka juga salah faham yang mungkin akan timbul akibat kurang pengetahuan.

Namun, penggunaan media sosial juga membawa cabaran tersendiri. Sebagai contoh, isu penjualan stoking di kedai serbaneka KK Mart yang mengandungi tulisan Allah telah menimbulkan kontroversi dan reaksi marah di kalangan Masyarakat. Isu ini menunjukkan bahawa sensitiviti agama masih menjadi perkara yang perlu diberikan perhatian. Dalam kes ini, media sosial memainkan peranan dalam dua hala, iaitu satu pihak menggunakannya untuk menyebarkan maklumat tentang ketidakpatutan penjualan barangan tersebut, menzahirkan kekecewaan masyarakat terhadap tindakan yang dianggap tidak menghormati sensitiviti agama. Pihak yang kedua memberikan keterangan yang lebih jelas dan memastikan isu ini ditangani dengan betul oleh pihak berkuasa. Dengan hanya meletakkan #KKMart di media sosial, isu berkaitan stoking tersebut akan terpapar, membolehkan lebih ramai orang mendapat maklumat dan menyuarakan pandangan mereka. Berdasarkan MalaysiaKini menyatakan pada 17 Mac selepas kejadian KK Mart memohon maaf kerana penjualan stoking tersebut hampir 14,000 hantaran dikongsi di Facebook. Sebanyak 1000 kandungan telah ditandakan di TikTok semenjak kes stoking itu bermula pada 13 Mac dilaporkan

oleh SKMM. Menurut Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil berkata hampir 15 peratus tidak diturunkan oleh TikTok dan memberitahu bahawa kerajaan tidak mempunyai pengaruh dalam membuat keputusan akhir di platform ini.

Media sosial dalam kes ini, dapat memupuk dialog yang lebih konstruktif di kalangan masyarakat. Apabila isu seperti ini timbul, pengguna media sosial yang bertanggungjawab dapat memainkan peranan dalam menenangkan keadaan dengan menyebarkan mesej-mesej yang mempromosikan toleransi dan keharmonian. Misalnya, pengguna boleh berkongsi pandangan tentang kepentingan menghormati simbol-simbol agama dan memberi cadangan untuk mengelakkan daripada isu-isu seperti ini berlaku di masa akan datang. Ini menunjukkan media sosial mempunyai peranan dalam menyebarkan maklumat sama ada baik atau buruk dan kita dapat lihat bahawa toleransi dan keharmonian di kalangan masyarakat sememangnya boleh dipengaruhi dengan penggunaan media sosial daripada kejadian stoking tersebut.

Dalam era digital ini, media sosial mempunyai potensi yang besar untuk mempromosikan toleransi dan keharmonian antara masyarakat. Penggunaan yang bijak dan bertanggungjawab merupakan satu kunci dalam menjadikannya satu alat yang berkesan untuk meningkatkan kefahaman, dan menyebarkan mesej-mesej atau maklumat yang positif. Usaha daripada semua pihak tidak mengira organisasi dan individu adalah diperlukan bagi memastikan media sosial diguna dengan cara yang betul dalam memperkukuhkan ikatan sosial dan mempromosikan masyarakat yang harmoni dan bertoleransi.

3.3 Meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang sikap toleransi antara masyarakat menerusi media sosial

Penggunaan media sosial secara positif dan berkesan terutama oleh generasi masa kini penting bagi mengukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat, kata Pengarah Pusat Komunikasi Korporat, Universiti Malaysia Sabah (UMS) Dr Jakaria Dasan (Bernama,2023). Media sosial dapat meningkatkan lagi kesedaran dan pemahaman tentang sikap toleransi dalam diri sendiri serta masyarakat yang lain. Sama ada dalam bentuk video, gambar atau kata-kata yang dapat meningkatkan kesedaran antara masyarakat yang di muat naik dalam platform media sosial seperti *Tiktok*, *Facebook* dan sebagainya. Hal ini kerana masyarakat kini mempunyai telefon pintar dan media sosial sendiri samaada untuk kepekaan individu tentang apa yang telah terjadi di negara sendiri mahupun di luar negara.

Sehubungan itu, isu berkaitan kedai serbaneka KK Mart telah membuka mata masyarakat tentang kesedaran dan kefahaman tentang toleransi. Setiap masyarakat mengambil cakna sehinggakan dapat perhatian daripada ahli politik dan Yang di Pertuan Agong Sultan Ibrahim tentang penjualan stokin kalimah 'Allah' sehingga menimbulkan kesalah fahaman. Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil mengingatkan Ketua Pemuda UMNO, Dr Muhammad Akmal Saleh agar tidak menyalah tafsir dan mengambil kesempatan terhadap titah Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim berhubung isu stoking yang tertera kalimah 'Allah' (BH Online,2024). Hal ini tercetus apabila Dr Muhammad Akmal memuat naik di media sosial menyatakan bahawa beliau memboikot kedai serbaneka KK Mart serta menjadi ikutan masyarakat lain tanpa paksan serta dipetik sebuah portal berita bahawa beliau berkata "Agong ada larang untuk tidak boikot ke?" ketika ditanya sama ada beliau akan mematuhi titah baginda dan kepimpinan UMNO pusat supaya menghentikan isu berkenaan.

Oleh itu, kes ini masih lagi dalam perbicaraan mahkamah tentang tindakan selanjutnya. Setiap masyarakat hendaklah mengambil kesempatan untuk meningkatkan kesedaran terhadap toleransi

tidak mengira kaum dan agama kerana isu sensitivi seperti ini akan menimbulkan perbalahan atau penindasan terhadap masyarakat itu. Dengan adanya media sosial semua akan terbongkar atau diketahui umum dengan hanya video ataupun gambar semua dapat diketahui. Malaysia merekodkan 28 juta pengguna media sosial atau 86 peratus daripada penduduk negara ini (Ministry of Communication, 2024). Penggunaan media sosial menunjukkan peningkatan semenjak pandemik Covid-19 yang mana menyebabkan pihak kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi setiap negara serta seluruh negara hanya menjalankan aktiviti didalam rumah ataupun bekerja dari rumah. Secara keseluruhannya, media sosial menunjukkan peningkatan dari semasa ke semasa dan semua lapisan masyarakat. Demikian itu, kesedaran dan pemahaman sikap toleransi dapat dipupuk dan ditingkatkan antara masyarakat.

4. Kesimpulan

Perkembangan media sosial telah membawa kepada pembaharuan dan pembangunan dalam media dan komunikasi. Misalnya penciptaan Facebook, LinkedIn dan Twitter atau sekarang dikenali dengan X telah membawa kepada inovasi yang baru dalam laman web menyebabkan pencetusan gelombang yang hebat sejak Google didedahkan pada tahun 1998 (Alejandro, 2010). Pelbagai impak samada positif atau negatif sejak kemunculan media sosial ini kerana ia menggantikan kebanyakan media yang popular ketika zaman dahulu seperti televisyen.

Media sosial memainkan peranan penting dalam memupuk toleransi dan keharmonian antara masyarakat dengan menyediakan platform untuk komunikasi yang lebih terbuka, pertukaran pandangan yang berbeza dan penyebaran maklumat yang luas. Dengan penggunaan yang bijak, media sosial dapat mengeratkan hubungan antara individu dari pelbagai latar belakang budaya dan agama, serta meningkatkan kesedaran tentang isu-isu sosial yang penting. Faktor yang mempengaruhi toleransi dan keharmonian akan memberikan panduan yang jelas tentang bagaimana masyarakat dapat memperkukuh hubungan interaksi sosial yang lebih harmoni dan inklusif.

Media sosial berfungsi sebagai alat yang efektif dalam menyebarkan mesej positif dan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan saling menghormati dan memahami antara satu sama lain. Menurut Oktavianti & Loisa (2017) menyatakan bahawa media sosial seperti Facebook, Twitter atau Instagram menjadi satu tempat untuk ekspresi dan eksistensi diri serta untuk menyebarkan berita dan maklumat. Melalui kempen kesedaran, perkongsian maklumat yang tepat dan interaksi yang positif, media sosial dapat membantu membina masyarakat yang lebih toleransi dan harmonis. Kejayaan usaha ini memerlukan komitmen bersama untuk mempromosikan penggunaan media sosial yang beretika dan bertanggungjawab.

Namun, keberkesanan dalam mempromosikan toleransi bergantung kepada penggunaan yang bertanggungjawab dan usaha berterusan untuk menangani penyalahgunaan yang boleh menjejaskan keharmonian sosial. Pemahaman yang mendalam dan penerapan nilai-nilai ini adalah kunci kepada pembangunan sosial yang berterusan. Walau bagaimanapun, adalah penting untuk mengatasi cabaran seperti penyebaran maklumat palsu dan ucapan kebencian bagi memastikan peranan positif media sosial dalam masyarakat terus terpelihara.

Kerjasama antara pihak kerajaan, organisasi dan individu adalah penting dalam menggalakkan persekitaran media sosial yang positif. Pendidikan mengenai literasi digital dan kempen kesedaran boleh membantu masyarakat untuk mengenal pasti dan menolak maklumat palsu serta mendorong kepada dialog yang lebih komprehensif. Dengan pemahaman mengenai kepentingan media sosial ini dalam memupuk semangat toleransi dan keharmonian dari semua pihak, ianya boleh dijadikan satu

alat yang kuat dalam membina Masyarakat yang lebih harmoni dan inklusif. Oleh itu, pemantauan terhadap maklumat yang tersebar perlu diambil berat oleh semua pihak bagi memastikan maklumat tersebut bebas dari unsur hasutan yang boleh menjatuhkan keharmonian Masyarakat.

5. Rujukan

- Hanafi K. (2017). *Penggunaan Media Sosial dan Faktor-faktor yang Mempengaruhi terbentuknya Gerakan Sosial Oleh Pemimpin Pelajar Universiti di Bandar Pekan Baru, Riau, Indonesia*. Journal of Social Science and Humanities Vol. 12, No. 2 (2017) 087-101, ISSN: 1823-884x.
- Rohaini binti Amin Ayu, Nor Azilah binti Mohamad, Nor Azlina binti Endut. (2017). *Dialog Dan Toleransi Agama: Kepentingannya Kepada Masyarakat Majmuk di Malaysia*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Salman A., Yusoff M.A, Salleh M.A.M, Abdullah M.Y. (2018). *Penggunaan Media Sosial Untuk Sokongan Politik di Malaysia*. Journal of Nusantara Studies 2018, Vol 3(1) 51-63.
- Wan Mohd Nor Wan Daud & Khaliff Muammar. (2009). *Kerangka Komprehensif Pemikiran Melayu Abda ke-17 Masihi Berdasarkan Durr al-Faraid* Karangan Sheikh Nurudin al-Raniri. Sari-International Journal of the Malay World and Civilisation. 27(2), 119-146.
- Alyaa Alhadjri. (2024, Mar 22). *Isu KK Mart: SKMM teliti unsur kempen penyebaran maklumat salah*. [Online]: <https://www.malaysiakini.com/news/700343> (akses pada 26 Mei 2024)
- Anon (2024) Kkd.gov.my. <https://www.kkd.gov.my/en/118-berita-terkini/20226-malaysia-ada-28-juta-penggunamedia-sosial> (akses pada 27 Mei, 2024).
- Bernama. (2023). *Gunakan media sosial sebagai medium perpaduan rakyat Malaysia*. [Online]:<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/gunakan-media-sosial-sebagai-medium-perpaduan-rakyat-malaysia-437174?amp=1> (akses pada 16 Mei, 2024)
- Bernama. (2023, September 16). *Media sosial, internet mendominasi kehidupan rakyat Malaysia*. Astro Awani. [Online]: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/media-sosial-internet-mendominasi-kehidupan-rakyat-malaysia-437627> (akses pada 24 Mei 2024).
- Dewan Bahasa Dan Pustaka. *Nilai Maksud- Dewan Bahasa Dan Pustaka*. [Online]: <http://bukuteks.dbp.gov.my/media/media/FhaLi6fVY1.pdf> (akses pada 26 Mei, 2024)
- Jensani. M.K.N, Eswaran K, Noor S.S.M. (2019). *Media Sosial dan Pembentukan Budaya Menurut Islam*. Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia. [Online]: http://eprints.utm.my/85121/1/12%20KumananNizam_MediaSosialdanPembentukanBudaya.177-194.pdf (akses pada 20 Mei, 2024).
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif*. Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia. [Online]: https://www.researchgate.net/publication/293097563_Metodologi_Pengumpulan_Data_dalam_Penyelidikan_Kualitatif (akses pada 20 Mei, 2024).
- Rostam, A. (2024, April 4). *Isu KK Mart: Jangan salah tafsir titah Agong*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/04/1231546/isu-kk-mart-jangan-salah-tafsir-titah-agong> (akses pada 27 Mei, 2024).